

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI akan bina dua telaga tiub rintis di Ranau – Ewon Ebin	Bernama.com
2	Ranau terus pantau paras air sungai	Sinar Harian Online
3	LD needs to be prepared, too	New Sabah Times
4	Ranau terus pantau paras air sungai	Bernama.com
5	15 earthquake monitoring systems to be installed in Sabah, says minister	The Brunei Times
6	Recognizing powerful brands	The Star
7	Lahad Datu a hotspot for seismic activity	The Star
8	Bahagian penguatkuasa farmasi rampas RM830,663 ubat tidak berdaftar – KP Kesihatan	Bernama.com
9	RM830,663 ubat tak daftar dirampas	Sinar Harian
10	Perangi gejala jual ubat di internet	Kosmo
11	Rampas produk ubat dicampur racun bernilai RM830,663	Harian Metro

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)



MOSTI Akan Bina Dua Telaga Tiub Rintis Di Ranau - Ewon Ebin

RANAU, 22 Jun (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** merancang untuk melaksanakan dua projek rintis telaga tiub di daerah ini sebagai usaha memastikan keperluan bekalan air bersih mencukupi bagi kegunaan penduduk setempat.

Menterinya Datuk Dr Ewon Ebin berkata telaga tiub berkenaan akan dibina di dua lokasi di Ranau yang ditentukan oleh Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM).

Kos bagi seunit telaga tiub antara RM120,000 hingga RM150,000, katanya kepada pemberita selepas meninjau keadaan muka sauk di Kimolohing bagi melihat keadaan semasa dan kesesuaian menempatkan mesin penapis air ultra/osmosis berbalik di sini, hari ini.

Terdahulu, Ewon mendengar taklimat dan laporan terkini mengenai status gempa bumi di Sabah dan kejadian banjir lumpur daripada ARSM, Jabatan Meteorologi Malaysia serta Malaysian Technology Development Corporation.

Dalam taklimat berkenaan, Ewon berkata ARSM antara lain memaklumkan bahawa Ranau berpotensi besar mempunyai sumber air dari bawah tanah.

"Pihak MOSTI akan melaksanakan dua projek rintis telaga tiub di Ranau untuk melihat sekiranya air bawah tanah boleh digunakan oleh penduduk setempat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ewon berkata pada masa sekarang, masalah kekurangan bekalan air di Ranau telah dipulihkan 60 peratus.

"Namun, apa yang merisaukan adalah jika ada hujan lebat, berlaku banjir lumpur yang (dikhawatiri) akan menyumbat muka sauk di sini," katanya.

Sementara itu, Ewon turut memaklumkan sebanyak 87 gegaran susulan direkodkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) sejak 5 Jun lepas sehingga semalam berukuran 1.6 hingga 5.1 pada skala Richter.

Beliau berkata Kabinet juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM14.5 juta untuk menaik taraf sistem bagi mengesan dan memantau gempa bumi di Sabah.

Mengulas taklimat JMM mengenai Malaysia perlu berwaspada menghadapi bencana gempa bumi yang berkemungkinan melanda Lahad Datu, Ewon berkata kejadian seumpama itu tidak boleh diramal sebaiknya semua masyarakat hendaklah sentiasa bersiap siaga.

"Apa yang di maksudkan JMM, kita mesti sentiasa berjaga-jaga dan bersiap siaga dengan segala kemungkinan.

"Saya tidak mahu umumkan dan membuatkan orang ramai panik ... tidak...tidak. Kita hanya memaklumkan supaya sentiasa berjaga-jaga," katanya.

Berdasarkan statistik JMM, gempa bumi kuat yang terakhir melanda Lahad Datu adalah pada tahun 1976 berukuran 5.8 pada skala Ricther.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
THE MALAY MAIL**
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)



Ranau terus pantau paras air sungai



RANAU - Pihak berkuasa Ranau akan terus memantau paras air sungai bertujuan memberi amaran awal kepada penduduk yang tinggal di tepi sungai sekiranya paras air meningkat.

Pegawai Daerahnya Faimin Kamin berkata pihaknya menempatkan kumpulan pemantau sungai terdiri daripada anggota polis, Rela, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan radio amatur di tujuh stesen bermula dari Sungai Mesilau sehingga ke Sungai Marakau.

Beliau berkata pemantauan yang bermula semalam itu akan beroperasi 24jam, dengan setiap stesen mempunyai lima petugas secara berganti-ganti.

"Pemantauan ini akan berlanjutan sehingga Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan cuaca akan kembali normal," katanya ketika ditemui pemberita selepas menerima sumbangan untuk mangsa gempa bumi Ranau daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Sumbangan itu disampaikan **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin yang juga Anggota Parlimen Ranau.**

Dalam perkembangan berkaitan, Faimin berkata mana-mana penduduk kampung yang tidak mempunyai bekalan air bersih boleh mendapat bekalan air di tiga lokasi penapisan air disediakan.

Lokasi itu masing-masing di pekan Ranau, Sungai Takurik dan Sungai Kanipir yang dibuka mulai 8 pagi hingga 11 malam, katanya. - Bernama

BERITA ONLINE
NEW SABAH TIMES: (<http://www.newsabahtimes.com.my>)
TARIKH : 23 JUN 2015 (SELASA)



LD needs to be prepared, too

23rd June, 2015

RANAU: The Lahad Datu district in the east coast should be prepared in the eventuality an earthquake hits, said Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail.

She said the last major earthquake in Lahad Datu happened in 1976 with a magnitude of 5.8, she said in a briefing for **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Ewon Ebin** here.

Che Gayah said the stress on the active faults had been building up since then, despite a magnitude three tremor there in 2012.

"It is a worrying situation and we have to be prepared for any eventuality," she said.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) geologist Dr Felix Tongkul had proposed that seismic monitoring equipment similar those to be installed on the top of Mount Kinabalu be provided in Lahad Datu as well.

He said the sensitive equipment would enable geologists to monitor seismic activities in the "hotspots" such as Kundasang, Ranau, Mount Kinabalu and Lahad Datu.

He said geologists could advise evacuation on locations facing imminent threat of severe tremors or earthquakes. A magnitude 5.9-quake struck Mount Kinabalu on June 5, and 18 trekkers and guides were killed in subsequent rock and boulders avalanches.

The earthquake also triggered landslides at the foot of the mountain leading to severe flash floods in the Mesilou and Kiau areas about a week later.

The last major earthquake in Ranau occurred in 1991 but only damaged multi storey structures there.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)



Ranau Terus Pantau Paras Air Sungai

RANAU, 22 Jun (Bernama) -- Pihak berkuasa Ranau akan terus memantau paras air sungai bertujuan memberi amaran awal kepada penduduk yang tinggal di tepi sungai sekiranya paras air meningkat.

Pegawai Daerahnya Faimin Kamin berkata pihaknya menempatkan kumpulan pemantau sungai terdiri daripada anggota polis, RELA, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan radio amatir di tujuh stesen bermula dari Sungai Mesilau sehingga ke Sungai Marakau.

Beliau berkata pemantauan yang bermula semalam itu akan beroperasi 24jam, dengan setiap stesen mempunyai lima petugas secara berganti-ganti.

"Pemantauan ini akan berlanjut sehingga Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan cuaca akan kembali normal," katanya ketika ditemui pemberita selepas menerima sumbangan untuk mangsa gempa bumi Ranau daripada [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#).

Sumbangan itu disampaikan [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin yang juga Anggota Parlimen Ranau](#).

Dalam perkembangan berkaitan, Faimin berkata mana-mana penduduk kampung yang tidak mempunyai bekalan air bersih boleh mendapat bekalan air di tiga lokasi penapisan air disediakan.

Lokasi itu masing-masing di pekan Ranau, Sungai Takurik dan Sungai Kanipir yang dibuka mulai 8 pagi hingga 11 malam, katanya.

-- BERNAMA



15 earthquake monitoring systems to be installed in Sabah, says minister

THE government has approved a RM14.5 million (\$5.2 million) allocation to upgrade the earthquake monitoring system in Sabah.

Science, Technology and Innovation Minister Ewon Ebin said the allocation for the upgrade, including stationing 15 additional earthquake monitoring systems in the country, was approved by the Cabinet on Saturday.

"Five will be installed in the Ranau district. Currently, there are 30 earthquake monitoring systems in the state including two in Ranau," he told a media conference in Kundasang on Saturday.

He said the allocation would be channelled to the Meteorological Department and installations would be done soon.

In the meantime, Ewon, who is also Ranau Member of Parliament said the Federal Government had agreed to consider an application to build another water treatment plant costing RM50 million (about \$18 million) in Ranau.

"I raised the matter at the Cabinet meeting and the federal government had agreed in principle to consider the application," he said.


According to Ewon, the new plant was needed as the raw water supplied to the Bambangan Water Treatment Plant by the Liwagu river was of poor quality.

He said the river had become polluted as a result of fertilisers and pesticides from vegetable farming activities in Kundasang that entered the Mesilau river and flowed to Liwagu.

Ewon said the federal government had also agreed to a detailed study by the Mineral and Geoscience Department on the Mamut copper mine in Ranau where cracks at its side were discovered in the aftermath of the recent earthquake near the area.

-Bernama

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
THE STAR (STARMETRO-EVENTS) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)



Recognising powerful brands

Winners to be nominated for regional entrepreneur award

story by
OH ING YEEN



ingyeen@thestar.com.my

COMPANIES in the Asia-Pacific region were recognised for their achievements at the 14th Asia Pacific Top Excellence Brand Book of the Top Recognition 2015.

Organising chairman Prof Dr Albert Tan said since the inception of the Asia-Pacific Top Excellence Brand committee (APC), one of their goals

was to increase the level of branding awareness in the region.

"We are proud to host the first-ever China-Asean Excellence Entrepreneur Business Summit in conjunction with the 11th China-Asean Exposition (Caexpo) in Nanning, China last year."

He said the committee managed to set up the Asean-China exhibition hall in Nanning, Guangxi, Chengdu and Sichuan, China to further assist entrepreneurs to penetrate the China-Asean market.

He added that all winners would be nominated for the Asia-Pacific International Entrepreneur Excellence Award.

Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the APC had expanded to more than 10 countries through the establishment of secretariat offices in Singapore, Vietnam, Brunei, Indonesia, China and Italy.

"As the battle to get the attention of consumers intensifies day by day, it is imperative that we raise the bar particularly on branding."

"Brands matter as they provide the tipping point between the best and the ordinary, the excellent and the mediocre."

Other guests of honour at the event were Vietnam prime minister's advisor Dr Doan Thanh No and Cambodia's foreign affairs, international cooperation, media and information commission vice-chairman Senator Chhit Kim Yeat.

Chhit invited Malaysian entrepreneurs to consider Cambodia as a place for investment.

A total of 10 awards were presented at the event held at the Palace of the Golden Horses, namely Asia-Pacific Top Excellence Brand, Top CEO, Women Entrepreneur, Super Health Brand, Top Emerging Entrepreneurs, Top Golden Brand Products, Excellence Service, Health Ambassador, Asia 100 favourite products, and Asia Direct Sales Grand Master Award.

There was also an MoU signing ceremony between the Vietnam Foundation of Supporting Literary and Artistic Creations (Vifolac) and APC.

1 The guests of honour and award recipients posing for a group photo.

2 Dr Abu Bakar (third from left) presenting Asia-Pacific Top Excellence Brand award to Nine Nine Vision Sdn Bhd managing directors Nicholas Ooi and Kellies Quah (fourth and fifth from left) at the event. Also present were (from left) Chhit Kim Yeat, Prof Dr Albert Tan, Dr Doan Thanh No, and Asia-Pacific Top Excellence Brand Committee secretary general Prof Dr Adam Tan.

Photos:
ROHAIZAT MD DARUS



**KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)**

Lahad Datu a hotspot for seismic activity

RANAU: The Lahad Datu district is another possible hotspot for seismic activity, Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said.

She said the authorities should be prepared in dealing with a possible earthquake there, noting that the earthquake which shook Lahad Datu in 1976 registered a magnitude of 5.8.

Speaking at a briefing for Science, Technology and Innovation Minister Datuk Ewon Ebin here, Che Gayah said the stress on the active faults had been building up since then.

"It is a worrying situation and we have to be prepared for any eventuality," she said.

Universiti Malaysia Sabah geologist Prof Felix Tongkul had proposed that seismic monitoring equipment, similar to those to be installed on the top of Mount Kinabalu, be provided in Lahad Datu as well.

He said the equipment would enable geologists to monitor seismic activities in hotspots such as Kundasang, Ranau, Mount Kinabalu and Lahad Datu.

An earthquake hit Mount Kinabalu on June 5, killing 18 people.

The earthquake also triggered landslides at the foot of the mountain leading to severe flash floods in the Mesilau and Kiau areas about a week later.

The last major earthquake occurred in 1991 in Ranau, damaging multi-storey structures there.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)



Bahagian Penguatkuasa Farmasi Rampas RM830,663 Ubat Tidak Berdaftar - KP Kesihatan

PUTRAJAYA, 22 Jun (Bernama) -- Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan merampas ubat-ubatan tidak berdaftar bernilai RM830,663 sepanjang Operasi Pangea VIII dari 9 Jun hingga 16 Jun, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Daripada jumlah itu, 283 bungkusan pos dan kurier bernilai RM405,833 dirampas manakala 295 laman web dan laman sosial disiasat dan diambil tindakan kerana didapati menjual ubat-ubatan yang tidak berdaftar, dicampur racun mahupun kosmetik tidak bernotifikasi, katanya.

"Antara produk utama yang dikesan dan dirampas adalah produk perangsang seks, pelangsing badan, kosmetik dan produk tradisional dicampur racun yang kebanyakannya tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata sebanyak 45,317 bungkusan dan 130 premis telah diperiksa dalam operasi yang turut melibatkan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia, [Cybersecurity Malaysia](#) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Dr Noor Hisham berkata aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan melibatkan serbuan dan pemeriksaan ke atas penjual dan premis perniagaan yang terlibat.

"Pemeriksaan turut dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara melibatkan pusat mel dan kurier, lapangan terbang, pos sempadan, terminal feri dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata di peringkat antarabangsa, Bahagian Penguatkuasa Farmasi Kementerian Kesihatan bersama-sama 236 agensi penguatkuasaan lain dari 115 negara mengambil bahagian dalam satu operasi antarabangsa yang dijalankan pada tempoh yang sama untuk menangani rangkaian jenayah di sebalik penjualan ubat-ubatan melalui internet.

"Hasil operasi itu, sebanyak 20.1 juta ubat-ubatan yang dipercayai boleh membahayakan pengguna bernilai kira-kira RM300.9 juta (US\$81.1 juta) telah dirampas di seluruh dunia," katanya, sambil menambah Operasi Pangea VIII antarabangsa itu diselaraskan oleh Interpol.

Katanya walaupun Operasi Pangea VIII telah berakhir, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi akan meneruskan pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan demi menjamin keselamatan dan kesihatan pengguna sentiasa terpelihara.

Pengguna dinasihatkan tidak mudah terpengaruh dengan iklan atau testimoni di laman web ataupun penjual yang menawarkan ubat-ubatan dengan harga murah atau tuntutan perubatan yang tidak munasabah.

"Sentiasa pastikan produk kesihatan yang hendak dibeli adalah produk berdaftar yang mempunyai Nombor Pendaftaran 'MAL' dan label Hologram Meditag," katanya.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)

RM830,663 ubat tak daftar dirampas



Anggota penguatkuasa merampas ubat-ubatan yang tidak berdaftar dengan kementerian.

PUTRAJAYA - Bahagian Penguat kuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan merampas ubat-ubatan tidak berdaftar bernilai RM830,663 sepanjang Operasi Pangea VIII dari 9 Jun hingga 16 Jun, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Daripada jumlah itu, 283 bungkus-an pos dan kurier bernilai RM405,833 dirampas manakala 295 laman web dan la-man sosial disiasat dan diambil tindakan kerana didapati menjual ubat-ubatan yang tidak berdaftar dicampur racun mahupun kosmetik tidak bennotifikasi.

"Antara produk utama yang dikesan dan dirampas adalah produk perangsang seks, pelangsing badan, kosmetik dan produk tradisional dicampur racun yang

kebanyakannya tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, 45,317 bungkus-an dan 130 premis diperiksa dalam operasi turut melibatkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Cybersecurity Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Dr Noor Hisham berkata, aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan melibatkan serbuan dan pemeriksaan ke atas penjual premis perniagaan terlibat.

"Pemeriksaan turut dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara melibatkan pusat mel dan kurier, lapangan terbang, pos sempadan, terminal feri dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, di peringkat antara-

bangsa, bahagian itu bersama 236 agensi penguatkuasaan lain dari 115 negara mengambil bahagian dalam satu operasi antarabangsa menangani rangkaian jenayah di sebalik perjualan ubat-ubatan melalui internet.

"Hasil operasi itu, 20.1 juta ubat-ubatan diperkata boleh membahayakan pengguna bernilai kira-kira RM300.9 juta (AS\$81.1 juta) dirampas di seluruh dunia," katanya, sambil menambah Operasi Pangea VIII antarabangsa itu diselaraskan oleh Interpol.

"Sentiasa pastikan produk kesihatan yang hendak dibeli adalah produk berdaftar yang mempunyai Nombor Pendaftaran MAL dan label Hologram Meditag," katanya. - Bernama

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)**

Malaysia, 115 negara lain menerusi Ops Pangea VII banteras produk tak diketahui status

Perangi gejala jual ubat di internet

PUTRAJAYA – Bahagian Penguatan Kuasa Farmasi Kementerian Kesihatan bersama 236 agensi penguatan kuasa dari 115 negara bekerjasama menerusi Ops Pangea VIII memerangi penjualan ubat-ubatan yang tidak diketahui statusnya menerusi internet.



NOOR HISHAM

Ketua Penggarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh Ops Pangea yang dilancarkan pada 9 hingga 16 Jun lalu, sebanyak 20.1 juta ubat-ubatan yang dipercaya boleh membahayakan pengguna bernilai kira-kira RM300.9 juta (AS\$881 juta) dirampas di seluruh dunia.

Menurut beliau, walaupun Ops Pangea VIII peringkat antarabangsa yang diselaraskan oleh Polis Antarabangsa (Interpol) telah berakhir namun Bahagian Penguatan Kuasa Farmasi me-

Antara produk utama dirampas produk perangsang seks, pelangsing badan, kosmetik dan produk tradisional dicampur racun yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan

NOOR HISHAM ABDULLAH

neruskan pemantauan dan aktiviti penguatan kuasa di negara ini demi menjamin keselamatan dan kesihatan pengguna.

Pengguna dinasihatkan supaya tidak mudah terpengaruh dengan iklan atau testimoni di laman web ataupun penjual yang menawarkan ubat-ubatan dengan harga murah atau tuntutan perubatan yang tidak munasabah.

"Sentiasa pastikan produk kesihatan yang hendak dibeli adalah produk berdaftar yang mempunyai Nombor Pendaftaran MAL



BAHAGIAN Penguatan Kuasa Farmasi Kementerian Kesihatan memeriksa ubat-ubatan dan produk kecantikan yang dijual. - Gambar hiasan

dan label Hologram Meditag," kata Noor Hisham dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak menyebut negara lain yang terlibat dalam operasi tersebut.

Sementara itu, dalam operasi sama di dalam negara, kemente-

rian turut merampas ubat-ubatan tidak berdaftar bernilai RM830,663 dalam tempoh tersebut.

Kata Noor Hisham, daripada jumlah itu, 283 bungkus pos dan kurier bernilai RM405,833 dirampas manakala 295 laman web dan laman sosial disiasat dan diambil tindakan kerana

didapati menjual ubat-ubatan yang tidak berdaftar, dicampur racun maupun kosmetik tidak beronotifikasi, katanya.

"Antara produk utama yang dikesan dan dirampas adalah produk perangsang seks, pelangsing badan, kosmetik dan produk tradisional dicampur racun yang kebanyakannya tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan," kata beliau.

Jelas beliau, sebanyak 45,317 bungkus dan 130 premis turut diperiksa dalam operasi yang turut melibatkan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Cybersecurity Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Noor Hisham berkata, aktiviti penguatan kuasa yang dijalankan melibatkan serbuan dan pemeriksaan ke atas penjual dan premis perniagaan yang terlibat.

"Pemeriksaan turut dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara melibatkan pusat mel dan kurier, lapangan terbang, pos sempadan, terminal feri dan sebagainya," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 30
TARIKH: 23 JUN 2015 (SELASA)

Kuala Lumpur

Rampas produk ubat dicampur racun bernilai RM830,663

Produk perangsang seks, pelangsing badan, kosmetik dan produk tradisional dicampur racun bernilai RM830,663 antara barang dirampas Bahagian Penguat Kuasa Farmasi (BPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam Operasi Pangea VIII bulan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, operasi berkenaan menyasarkan tiga aspek utama dalam pemerdagangan ubat haram menerusi Internet iaitu pembekal perkhidmatan Internet (ISP), sistem pembayaran elektronik dan perkhidmatan penghantaran.

“Sepanjang tempoh operasi dari 9 hingga 16 Jun

lalu, sebanyak 45,317 bungkusan serta 130 premis diperiksa termasuk 283 bungkusan pos dan kurier bernilai RM405,833 turut dirampas.

“Sebanyak 295 laman web dan laman sosial disiasat serta diambil tindakan kerana didapati menjual ubat tidak berdaftar, dicampur racun serta kosmetik tidak bernotifikasi,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, operasi itu turut membabitkan kerjasama KKM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), CyberSecurity Malaysia (CSM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).